

24 JUN 1999

Osu (Fokus Berita)

OSU: SEKARANG MASA UNTUK BALAS KEPERCAYAAN RAKYAT

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 24 Jun (Bernama) -- Jika diberi pilihan, Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam, lebih gemar sekiranya dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap usaha membangunkan negeri ini tanpa diganggu isu-isu politik Sabah.

Pilihan raya negeri sudah berakhir dan mandat rakyat sudah diketahui -- kini masa untuk menunaikan janji.

Bagi Osu, yang genap 100 hari menjadi Ketua Menteri Sabah esok, sekarang adalah masanya untuk bekerja dan memenuhi kepercayaan rakyat terhadap Barisan Nasional (BN) untuk kembali mentadbir negeri itu.

Sambil mengakui tempoh 100 hari adalah masa yang singkat untuk melihat hasil sebenar keputusan yang dibuat kabinet Sabah setakat ini, Osu berkata, apa yang penting ialah beliau telah meletakkan landasan kepada kerajaan negeri dengan menumpukan kepada empat bidang keutamaan.

Bidang-bidang itu ialah membanteras kemiskinan, merangsang pembangunan ekonomi, membangunkan infrastruktur dan mengukuhkan kedudukan kewangan negeri.

"Saya juga telah menekankan kepada kabinet bahawa setiap anggota memikul amanah yang amat besar dan meminta agar setiap seorang daripada mereka menumpukan sepenuh perhatian untuk menunaikan amanah itu," katanya dalam satu temuramah dengan media tempatan di sini.

Membesar di dalam persekitaran kampung di kawasan Kawang dalam daerah Papar, kira-kira 60km dari sini, Osu sememangnya memahami hati nurani masyarakat luar bandar di Sabah.

Pada satu persidangan berita sebaik sahaja menyertai Kabinet negeri sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan lebih setahun yang lepas, Osu tanpa ragu-ragu, telah menggariskan usaha membasmi kemiskinan dan membangunkan kawasan luar bandar sebagai keutamaannya.

Kini mengetuai kerajaan negeri, Osu berkata: "Satu daripada langkah utama menangani masalah kemiskinan ialah dengan menjana semula pembangunan ekonomi yang terjejas oleh kegawatan ekonomi sebelum ini."

Langkah bersepadu ke arah itu dimulakan dengan rombakan terhadap fungsi dan struktur kementerian-kementerian di Sabah dengan memberi penekanan kepada sumbangan kementerian berkenaan terhadap pembangunan negeri.

Ekoran rombakan itu, beberapa bidang baru termasuk teknologi maklumat, sains, industri pemakanan, keusahawanan dan hal-ehwal pengguna kini ditangani di peringkat kementerian -- satu langkah yang dilihat dapat menyediakan Sabah dalam menghadapi cabaran abad akan datang.

Namun bukan mudah bagi ketua eksekutif sesebuah kerajaan negeri untuk mengelak sepenuhnya daripada melayani kerenah politik, lebih-lebih lagi di negeri seperti Sabah yang kemeriahan politiknya sama popular dengan kewujudan Gunung Kinabalu di negeri itu.

Isu perjudian loteri di Sabah, umpamanya, secara tiba-tiba bertukar menjadi isu politik walaupun pada mulanya ia dianggap isu sosial.

Tetapi Osu cepat meredakan keadaan apabila menegaskan bahawa "dasar kerajaan negeri adalah jelas iaitu untuk mengurangkan jumlah premis perjudian dan jumlah cabutan dan kerajaan akan memastikan dasar itu dilaksanakan."

Juga bukan cabaran yang kecil bagi Osu untuk mengetuai gabungan sembilan parti di Sabah dan pada masa yang sama berhadapan dengan kelantangan kecaman pembangkang serta banyak lagi masalah "turun-temurun" yang diwarisi Sabah sejak mencapai kemerdekaan pada 1963.

Berhadapan dengan kehadiran ramai pendatang asing dan masalah kemiskinan yang sentiasa berada pada kedudukan antara yang tertinggi di Malaysia, ditambah pula dengan kemudahan prasarana belum memuaskan, Osu memerlukan lebih daripada kesungguhan bekerja untuk membawa Sabah ke era kecemerlangan.

"Dari segi ekonomi, kerajaan negeri memang tidak mempunyai rizab yang banyak dan kerana itu kita tidak dapat melakukan banyak perkara kecuali atas sokongan padu daripada kerajaan Persekutuan," kata Osu.

Sokongan padu itu jelas kelihatan apabila kerajaan Persekutuan meluluskan RM230 juta pinjaman mudah untuk Sabah pada April lepas. Peruntukan sebanyak RM2.943 bilion turut diluluskan bagi membiayai projek pembangunan di negeri ini dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

"Saya percaya bahawa melalui rancangan pembangunan yang lebih sistematik serta penyesuaian portfolio kementerian dan pendekatan baru dalam urusan pentadbiran, ditambah pula dengan kerjasama erat kerajaan pusat, maka kita akan berupaya mencapai prestasi lebih memberangsangkan," katanya.

Kebijaksanaan Osu turut dituntut dalam soal yang berkaitan dengan penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah -- sistem yang menyumbang secara tidak langsung dalam "mempercepatkan" pelantikan beliau ke jawatan itu.

Osu, mewakili Bumiputera Islam, menggantikan Tan Sri Bernard Dompok yang tidak dapat menghabiskan lebih setahun lagi tempoh yang ada pada Bumiputera bukan Islam ekoran kekalahan di kawasan Moyog.

Tempoh Osu ketika ini masih berbaki 18 bulan dan pemerhati politik berpendapat bahawa dalam tempoh itu, segala persoalan sama ada sistem itu diteruskan atau sebaliknya, akan dapat diketahui.

Sepanjang tempoh itu juga, Osu selaku Pengerusi BN Sabah perlu mencapai misi untuk memenangi kerusi Parlimen di Sabah pada pilihan raya umum akan datang -- satu lagi faktor yang turut mempercepatkan pelantikan Osu ke jawatan itu.

Misi itu digariskan dengan jelas melalui kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejurus selepas kemenangan BN pada pilihan raya negeri Mac lepas.

"Datuk Osu dilantik ke jawatan itu kerana BN berpendapat bahawa kerajaan negeri perlu dipimpin oleh Umno apabila menghadapi pilihan raya umum yang akan datang," kata Dr Mahathir ketika itu.

Untuk ini, Osu yang telah menunjukkan kecemerlangan selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah dengan memimpin parti itu memenangi kesemua 24 kerusi yang ditandingi Umno pada pilihan raya negeri yang lepas, akan sekali lagi membuktikan kebolehannya, kali ini selaku Pengerusi BN Sabah.

Penganalisis berpendapat, berdasarkan rekod sebelum ini, Osu lebih daripada mampu untuk menyamai walaupun tidak memperbaiki pencapaian BN pada pilihan raya umum 1995.

Pada pilihan raya itu, BN memenangi 12 daripada 20 kerusi Parlimen di Sabah tetapi jumlah itu kini bertambah kepada 14 kerusi apabila Anggota Parlimen Marudu Datuk Amirkahar Tun Mustapha menyertai BN dua tahun lepas diikuti MP Penampang, Paul Nointien, baru-baru ini.

"BN dijangka mempunyai laluan mudah di Sabah berdasarkan keputusan pilihan raya negeri yang lepas dan ini sudah tentu merupakan kelebihan kepada Osu," kata seorang pemerhati.

Lawan utama BN di Sabah ialah Parti Bersatu Sabah (PBS) parti pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan yang telah menyatakan kecenderungannya untuk berjuang bersendirian tanpa perlu menyertai pakatan pembangkang yang dianggotai PAS, Parti Keadilan Nasional, DAP dan PRM.

Osu mempunyai pesanan tersendiri kepada golongan pembangkang dan mereka yang lebih suka memilih untuk mengkritik segala keputusan yang dibuat

kerajaan. "Datang ke depan dan kemukakan idea bernas," kata Osu.
-- BERNAMA
JS NMO